NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61 No. 26	**21hb Disember 2017**	*TAMBAHAN No. 13* *PERUNDANGAN*

PN MB

M. P.U. 21.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2017**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan Undang-Undang Kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya 2011 [*M. P.U. 25/2011*], yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam Undang-Undang Kecil 2 dengan menggantikan takrif "Pegawai Pelesen" dengan takrif yang berikut:

"Pegawai Pelesen" ertinya Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua bagi maksud melaksanakan apa-apa tindakan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pindaan Undang-Undang Kecil 18

3. Undang-Undang Kecil 18 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan:

(a) menomborkan semula Undang-Undang Kecil itu sebagai perenggan 18(1) Undang-Undang Kecil itu, dan digantikan dengan Undang-Undang Kecil yang berikut:

18. (1) Pemegang lesen hendaklah menyimpan daftar rekod penuh yang dikemaskini yang mengandungi butir-butir berikut—

(a) nama, kerakyatan, umur dan jantina;

(b) tarikh masuk dan keluar;

(c) nombor kad pengenalan, pasport atau pengenalan diri yang lain, pekerjaan dan alamat kediaman; dan

(d) butir-butir lain yang diarahkan oleh Pegawai Pelesen.

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (1), perenggan berikut:

(2) Majlis boleh pada bila-bila masa menyemak dan mengarahkan rekod tersebut dikemukakan untuk disemak bagi maksud apa-apa saja tujuan selain daripada untuk tujuan rekod.

PNMB

Penggantian Undang-Undang Kecil 26

4. Undang-Undang Kecil 26 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan:

(a) memasukkan selepas perenggan (1), perenggan berikut:

(2) Jika Pegawai Pelesen memasuki mana-mana premis mengikut Undang-Undang Kecil ini—

(a) boleh menghendaki pemegang lesen mengemukakan apa-apa buku, dokumen atau benda;

(b) boleh memeriksa apa-apa buku, dokumen atau benda dan mengambil salinan atau contoh apa-apa buku, dokumen atau benda;

(c) boleh menghendaki pemegang lesen atau mana-mana orang yang diambil bekerja oleh pemegang lesen untuk menjawab soalan yang berhubungan dengan apa-apa buku, dokumen, atau benda, atau yang berhubungan dengan sesuatu catatan dalam apa-apa buku atau dokumen;

(d) boleh menghendaki dibuka apa-apa sampul, bekas atau tempat simpanan selamat lain dalam premis itu; dan

(e) boleh mengambil dan menyimpan tanpa bayaran mana-mana contoh barang atau bahan yang difikirkannya perlu bagi melaksanakan kewajipannya."

Pindaan Undang-Undang Kecil 28

5. Undang-Undang Kecil 28 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan perkataan selepas perkataan "mana-mana syarat lesen" dengan perkataan "atau apa-apa sekatan".

Pindaan Undang-Undang Kecil 31A

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas Undang-Undang Kecil 31, dengan Undang-Undang Kecil berikut:

"Kuasa untuk menutup hotel"

31A. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Undang-Undang Kecil 26, Pegawai Pelesen boleh dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup hotel jika dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku perlanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau

(b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam, kesihatan awam atau kemoralan; atau

(c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Jika suatu hotel berlesen ditutup di bawah perenggan (1), lesen yang dengannya hotel itu beroperasi hendaklah disifatkan digantung dalam tempoh penutupan itu.

(3) Datuk Bandar atau mana-mana Pegawai diberi kuasa boleh menutup mana-mana hotel jika dia berpuas hati bahawa hotel itu telah beroperasi tanpa lesen yang sah.

Pindaan Undang-Undang Kecil 32

7. Undang-Undang Kecil 32 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan:

(a) menomborkan semula Undang-undang Kecil itu sebagai perenggan 32(1) Undang-Undang Kecil itu; dan

(b) memasukkan selepas perenggan (1), perenggan berikut:

(2) Jika pemegang lesen gagal mengutip caj warisan, ianya akan dikenakan kepada pemegang lesen dan hendaklah dibayar oleh pemegang lesen kepada Majlis menurut Undang-Undang Kecil ini.

Pindaan Undang-Undang Kecil 33

8. Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2012 [*M. P.U. 19/2012*], yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam Undang-Undang Kecil 33 dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

"Kadar caj warisan"

33. (1) Caj warisan yang dikenakan ialah Ringgit Malaysia Dua (RM2.00) sahaja untuk semalam bagi setiap bilik yang disewa.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
[MPHTJ/100-1/1/16; PUNM. 700-02/6 Jilid 11]

DATUK TPr. HAJI MURAD BIN HAJI HUSSIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 19 Julai 2017
[MMKN. 22/2017]

MOHD YUSOF BIN ABU BAKAR
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Melaka

PNMB

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HOTELS (HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL)(AMENDMENT)
BY-LAWS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 102 and 102A Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Hang Tuah Jaya Municipal Council hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following By-Laws:

Citation and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Hotels (Hang Tuah Jaya Municipal Council) (Amendment) By-Laws 2017**.

(2) These By-Laws shall come into operation on its publication in the *Gazette*.

Amendment of By-Law 2

2. Hotels (Hang Tuah Jaya Municipal Council) By-Laws 2011 [*M. P.U. 25/2011*], which are referred to as the "principal By-Laws" in these By-Laws, is amended in By-Law 2 by substituting for the definition of "Licensing Officer" the following definition:

'"Licensing Officer" means the President or any Council officer authorized in writing by the Mayor inclusive to enforce any action under this By-Laws.

Amendment of By-Law 18

3. By-Law 18 of the principal By-Laws is amended by:

(a) renumbering the By-Law as paragraph 18(1) of the By-Laws, and substituting by the following By-Laws:

18. (1) The Licensee shall keep a register record update in the following particulars of—

(a) name, nationality, age and sex;

(b) date of check in and check out;

(c) identity card number, passport or any other form of identification, occupation and residential address; and

(d) any other particulars as directed by the Licensing Officer.

(*b*) inserting after paragraph (1), the following paragraph:

(2) The Council may at any moment to check and order to submit the records of inspection for some purposes and for the other uses.

Amendment of By-Law 26

4. By-Law 26 of the principal By-Laws is amended by:

(*a*) inserting after paragraph (1), the following paragraph:

(2) Where the Licensing Officer enter upon any premises in accordance with this By-Laws, then—

(a) may require the Licensee to produce any books, documents or things;

(b) may examine any books, documents or things and take copies of any books or documents;

(c) may require Licensee or any person employed by the Licensee to answer question relating to any books, documents or things or any entry in any books or documents;

(d) may require any envelopes, containers or any other receptacle in such premises to be opened; and

(e) may take and retain without payment such samples of any goods or materials as he may think necessary for the performance of his duties."

Amendment of By-Law 28

5. By-Law 28 of the principal By-Laws is amended by inserting after the words "any condition of the licence" with the words "or any restrictions".

Amendment of By-Law 31A

6. The principal By-Laws is amended by inserting after By-Law 31, the following By-Laws:

"Power to close a hotel"

31A. (1) Without prejudice to the exercise of the powers conferred on him under By-Law 26, Licensing Officer may close any hotel immediately if he is satisfied that—

(a) there has been a breach of any conditions of these By-Laws or any conditions or restriction of the licence; or

(b) such closure is necessary in the interest of public order, public health or moral; or

(c) the licence is issued illegally.

(2) Where a licensed hotel is closed under sub-paragraph (1) the licence by which the hotel is operating shall be deemed to be suspended during the period of closure.

(3) The Mayor or any authorized officer may close any hotel if he is satisfied that the hotel is operating without a valid licence.

PNMB

Amendment of By-Law 32

7. By-Law 32 of the principal By-Laws is amended by:

(a) renumbering By-Law as paragraph 32(1) of the By-Laws; and

(b) inserting after paragraph (1), the following paragraph:

(2) If the Licensee fails to collect the heritage charge, it shall be imposed to the Licensee and shall be paid by the Licensee to the Council accordance with this By-Laws.

Amendment of By-Law 33

8. Hotel (Hang Tuah Jaya Municipal Council) (Amendment) By-Laws 2012 [*M. P.U. 19/2012*], which is referred to as "principal By-Laws" in these By-Laws, is amended in By-Law 33 by substituting for paragraph (1) the following paragraph:

"Rate of heritage charge"

33. (1) The heritage charge imposed is Ringgit Malaysia Two (RM2.00) only for one night for each room rented.

Made by the Hang Tuah Jaya Municipal Council
[MPHTJ/100-1/1/16; PUNM. 700-02/6 Jilid 11]

DATUK TPr. HAJI MURAD BIN HAJI HUSSIN
President
Hang Tuah Jaya Municipal Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on 19 July 2017.
[MMKN. 22/2017]

MOHD YUSOF BIN ABU BAKAR
Secretary
State Executive Council, Malacca

P.N.M.B.